

220

SOALAN NO. 281

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN**

**MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT**

**PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI**

**TARIKH : 23 OKTOBER 2017 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Datuk Mohd Idris Bin Jusi [Batu Pahat] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan perancangan dan pelaksanaan menjadikan institusi keluarga sebagai Pusat Prasekolahan Pertama dan utama dengan pengukuhan peranan ibu dan bapa sebagai "role model" dan pendidik bagi seisi keluarga.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI**  
**PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN**  
**MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Peranan ibu bapa dalam melihat potensi dan perkembangan anak-anak amat penting terutamanya sebagai *role model* dan pendidik utama dalam keluarga. Sehubungan dengan itu, usaha menjadikan institusi keluarga sebagai pusat persekolahan pertama dan utama bagi pendidikan dan pembangunan anak-anak perlu diberi sokongan serta dokongan oleh semua pihak. Kementerian melihat peranan dan kemahiran keibubapaan perlu dimantapkan agar hasrat melihat institusi keluarga berupaya melahirkan generasi yang berkualiti tercapai. Kementerian melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah membangun dan melaksanakan beberapa modul pendidikan Keibubapaan Pakej KASIH seperti Modul Keibubapaan (Pancaran Kasih), Modul Keibubapaan dan Anak Kecil (Belaian Kasih) dan Modul Keibubapaan dan Anak Remaja (Mutiara Kasih). Pengisian modul-modul tersebut

disampaikan melalui siri kursus Ilmu Keluarga@LPPKN yang disasarkan kepada ibu bapa. Melalui kursus tersebut ibu bapa didedahkan kepada aspek pertumbuhan dan perkembangan anak, teknik dan kemahiran keibubapaan ke arah memaksimumkan potensi anak, serta penerapan nilai-nilai murni di samping membina hubungan erat antara ibu bapa dan anak.

Kajian Kependudukan dan Keluarga Malaysia (KPKM) yang dijalankan oleh LPPKN, menunjukkan nilai kekeluargaan yang diterapkan ibu bapa kepada generasi muda pada hari ini masih sama malah menunjukkan peningkatan berbanding sebelumnya. Hasil kajian menunjukkan bahawa peratusan penerapan nilai-nilai murni dalam kalangan ibu bapa seperti hormat-menghormati, taat kepada suruhan Tuhan, berilmu dan berdisiplin menunjukkan peningkatan yang sangat membanggakan.

Kementerian juga memandang persediaan ke alam rumah tangga sebagai sebagai asas yang penting untuk mewujudkan keluarga sejahtera. Justeru itu pasangan yang berhasrat untuk mendirikan rumah tangga perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran alam perkahwinan dan kekeluargaan. Oleh yang demikian, kursus Pra perkahwinan

SMARTSTART telah diwujudkan. Penerapan ilmu kekeluargaan dan keibubapaan diperkukuhkan lagi melalui pelaksanaan program pendidikan kemahiran keibubapaan yang dilaksanakan oleh kementerian diantaranya Parenting@Work dan SMARTbelanja@LPPKN. Kementerian juga telah mengadakan siri Jelajah dan Forum Keluarga Bahagia di seluruh negara bagi menerapkan lima nilai teras utama keluarga bahagia (Kasih Sayang, Akhlak, Sihat & Selamat, Ilmu dan Harmoni). Terbaru, Modul Pendidikan Keselamatan Keluarga dan Anak (PEKA) telah dibangunkan bagi memupuk nilai kasih sayang dan sifat menghargai anak-anak dalam kalangan ibu bapa.

Kementerian juga melihat sistem sokongan keluarga juga memainkan peranan dalam perkembangan anak-anak. Oleh itu kementerian turut menyediakan perkhidmatan kaunseling keluarga dan kaunseling kerjaya kepada keluarga melalui agensi LPPKN, JKM, JPW dan Yayasan Kebajikan Negara untuk memastikan perkembangan anak-anak secara sihat fizikal, mental dan emosi.

Peranan komuniti setempat juga penting dalam usaha memperkasakan institusi keluarga. Bermula tahun 2015, kementerian telah memperkenalkan

Program Pemerksaan Keluarga dan Komuniti (FACE) yang bertujuan memperkasakan peranan komuniti dalam pembangunan keluarga melalui program intervensi. Sehingga Jun 2017 sebanyak 18 komuniti terlibat dengan program FACE.

Selain itu Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan 1 Malaysia pada bulan November setiap tahun juga turut dilaksanakan di seluruh negara bagi memastikan perspektif keluarga terus diurusperdanakan oleh segenap lapisan masyarakat. Pelbagai pihak sama ada individu, badan-badan kerajaan, syarikat-syarikat korporat dan badan-badan NGO di seru untuk turut sama terlibat dalam memastikan kesejahteraan keluarga di Malaysia seterusnya meningkatkan peranan keluarga sebagai institusi utama melahirkan generasi berwibawa.